



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Fact Sheet

Tokio Marine SME BizOne

Insurans *Tokio Marine SME BizOne* adalah polisi pakej yang menyediakan anda dengan 12 jenis perlindungan komprehensif seperti Kebakaran dan Peril Khas, Kecurian, Wang, Kaca, Liabiliti Awam, Liabiliti Majikan, Semua Risiko, Kerugian Turutan Akibat Kebakaran, Kemalangan Diri Berkelompok, Peralatan Elektronik, Kerosakan Jentera dan Jaminan Kesetiaan.

SEKSYEN I - Kebakaran dan Peril Khas

Seksyen ini melindungi anda daripada kehilangan atau kerosakan ke atas harta benda anda yang disebabkan kebakaran atau kilat. Anda boleh meluaskan perlindungan ke atas risiko-risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Kerosakan pesawat
- Gempa bumi dan letusan gunung berapi
- Ribut/taufan
- Banjir
- Letupan
- Kerosakan hentaman (Termasuk kenderaan sendiri)
- Letupan atau limpahan tangki air atau paip
- Kerosakan rusuhan, mogok dan niat jahat
- Kebocoran perenjis

Perlindungan juga dilanjutkan untuk:

- Kehilangan atau kerosakan akibat kecurian yang berlaku semasa atau selepas kebakaran
- Manfaat elaun kesulitan akibat kehilangan atau kerosakan oleh peril yang diinsuranskan yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi

Pengecualian Utama untuk Seksyen I

- Kerugian akibat kecurian semasa atau selepas kebakaran
- Kerugian atau kerosakan akibat kebakaran harta di bawah perintah mana-mana pihak berkuasa awam
- Kebakaran bawah tanah

SEKSYEN II - Kecurian

Seksyen ini melindungi harta benda diinsuranskan yang dimiliki oleh anda atau dipegang oleh anda sebagai amanah atau atas komisen daripada kehilangan akibat kecurian berikutan pecah masuk secara kekerasan dan keganasan ke dalam premis atau sebarang cubaan termasuk Rompak Bersenjata dan Ditahan.

Pengecualian Utama untuk Seksyen II

- Kerugian atau kerosakan akibat kecurian oleh mana-mana ahli keluarga anda, pekerja atau pekerja domestik
- Kerugian atau kerosakan semasa premis ditinggalkan tidak berpenghuni untuk tempoh melebihi 30 hari berturut-turut
- Kekurangan kerana kesilapan atau ketinggalan

SEKSYEN III - Wang

Seksyen ini melindungi wang yang hilang, musnah atau rosak semasa dalam perjalanan atau disimpan di dalam premis anda seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.

Pengecualian Utama untuk Seksyen III

- Kerugian akibat wang kertas atau matawang palsu
- Kekurangan akibat kesilapan atau ketinggalan disebabkan kesilapan perkeranian atau perakaunan atau kerugian disebabkan kesilapan semasa menerima atau membayar
- Kerugian atau kerosakan akibat penyelewengan penipuan
- Sebarang kerugian akibat kenderaan yang terbiar
- Sebarang kerugian akibat susut nilai

SEKSYEN IV - Kaca

Seksyen ini melindungi anda, jika terdapat kaca di premis yang diinsuranskan pecah akibat retakan ke seluruh ketebalan kaca akibat sebarang kemalangan yang tidak dikecualikan secara khusus.

Pengecualian Utama untuk Seksyen IV

- Pecah akibat atau yang boleh dikaitkan kepada pembinaan atau perubahan struktur pada premis

- Pecah akibat atau yang boleh dikaitkan kepada perubahan atau pengalihan mana-mana Kaca
- Pecah akibat atau yang boleh dikaitkan kepada penetapan atau pengembangan atau binaan Kaca atau bingkai kerana keadaan iklim
- Tuntutan berkenaan dengan kerosakan kepada bingkai tingkap atau kelengkapan lain
- Tuntutan berkenaan kos pemindahan dan peletakan semula kelengkapan tingkap dan halangan lain kepada penggantian
- Tuntutan berkenaan kaca yang telah pecah atau rosak dan tidak diganti pada masa permulaan insurans
- Kemusnahan atau kerosakan disebabkan secara langsung oleh gelombang tekanan yang berpunca daripada pesawat udara atau peranti lain yang bergerak pada kelajuan bunyi atau superbunyi

SEKSYEN V - Liabiliti Awam

Seksyen ini melindungi anda daripada semua jumlah yang menjadi tanggungjawab anda daripada segi undang-undang untuk membayar pampasan berkaitan dengan:

- a) kecederaan anggota badan atau penyakit kepada Pihak Ketiga
- b) kerugian atau kerosakan harta benda

yang berlaku di dalam Premis semasa Tempoh Indemniti akibat kemalangan dan berlaku atau disebabkan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi.

Pengecualian Utama untuk Seksyen V

- Liabiliti yang ditanggung oleh anda di bawah mana-mana kontrak atau perjanjian dan yang tidak akan ada jika kontrak atau perjanjian tersebut tiada
- Liabiliti yang timbul daripada pemilikan atau penggunaan mana-mana kapal atau kenderaan berenjin (termasuk mana-mana mesin pada tayar atau trak) atau treler
- Pencemaran peresapan
- Denda, penalti, ganti rugi punitif dan teladan
- Kerugian kewangan tulen
- Tuntutan yang timbul daripada 'Sindrom Toksik Protein Lateks' dan Asbestos

SEKSYEN VI - Liabiliti Majikan

Seksyen ini melindungi anda daripada liabiliti undang-undang untuk membayar pampasan kepada pekerja anda termasuk kos dan perbelanjaan berhubung dengan kecederaan anggota akibat kemalangan atau penyakit yang timbul daripada dan di dalam tempoh penggajian tersebut. Tambahan lagi, dengan persetujuan bertulis daripada pihak kami, kami akan membayar semua kos dan perbelanjaan yang timbul untuk mempertahankan mana-mana tuntutan.

Pengecualian Utama untuk Seksyen VI

- Liabiliti kepada pekerja kontraktor anda
- Mana-mana kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang dialami di luar Kawasan Geografi

SEKSYEN VII - Semua Risiko

Seksyen ini melindungi anda daripada kerugian atau kerosakan ke atas harta benda anda akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan atau kecelakaan lain di dalam lokasi risiko yang tertera di dalam Jadual Polisi.

Pengecualian Utama untuk Seksyen VII

- Kerugian atau kerosakan disebabkan tindakan yang disengajakan atau kecuaiian
- Kerugian atau kerosakan akibat kehausan dan kelusuhan, susut nilai, karat, pengoksidaan, beransur-ansur buruk, berkelapuk, gegat, binatang perosak atau mana-mana proses pembersihan, pencelupan, pembaikan, pengembalian atau pembaikpulihan harta benda anda
- Kecacatan mekanikal, kerosakan atau gangguan elektrik
- Kerugian akibat kekurangan yang ditemui oleh inventori
- Kerugian atau kerosakan disebabkan ketidakjujuran pekerja anda atau orang yang diamanahkan oleh anda
- Kerugian atau kerosakan akibat calar atau kemik, retak pada kaca, kanta, barangan china, tembikar, marmar, rekod piring hitam, pita rakaman, cakera padat, cakera laser dan/atau benda lain yang bersifat rapuh, melainkan disebabkan oleh pencuri dan/atau kebakaran

SEKSYEN VIII - Kerugian Turutan Akibat Kebakaran

Seksyen ini melindungi anda daripada kerugian keuntungan, pendapatan, sewa, tanggungan tetap, upah atau gaji berdasarkan rekod gaji dan penambahan dalam kos kerja yang berpunca daripada gangguan perniagaan akibat kebakaran dan/atau peril-peril lain yang diperluaskan.

Anda boleh memilih untuk menginsuranskan mana-mana perkara yang berikut:

- Kerugian Untung Kasar (perlindungan Dasar Perbezaan)
- Kerugian Perolehan Kasar
- Kerugian Sewa Kasar
- Tanggungan Tetap sahaja

Sebagai tambahan, anda boleh menginsuranskan Bayaran Juruaudit sebagai perkara tambahan di bawah polisi ini.

Pengecualian Utama untuk Seksyen VIII

- Kerugian akibat kejadian luar biasa yang timbul ketika gangguan berlaku
- Kerugian akibat sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terhadap pembinaan semula atau operasi perniagaan
- Kerugian akibat kekurangan kapital yang mencukupi untuk pemulihan atau penggantian harta benda yang musnah, rosak atau hilang dengan segera
- Kerugian akibat kebakaran harta di bawah perintah oleh mana-mana Pihak Berkuasa Awam
- Kerugian yang berhubung dengan pengisytiharan yang tidak jujur atau palsu
- Kebakaran bawah tanah

SEKSYEN IX - Kemalangan Diri Berkelompok

Seksyen ini akan memberi ganti rugi kepada anda dan pekerja anda atas kecederaan tubuh yang disebabkan oleh kemalangan yang mana kecederaan hendaklah semata-mata dan bebas daripada sebarang sebab lain yang mengakibatkan kematian atau hilang upaya dan/atau memerlukan perbelanjaan perubatan termasuk rawatan pembedahan.

Had Umur - 16 tahun ke 65 tahun

Pilihan manfaat:

- Kematian & Hilang Upaya Kekal
- Perbelanjaan Perubatan yang dilakukan untuk rawatan kemalangan di hospital dan/atau klinik yang diiktiraf
- Perbelanjaan Pengebumian

Pengecualian Utama untuk Seksyen IX

- bunuh diri (sama ada siaman atau tidak siaman) atau sebarang percubaannya
- kecacatan atau penyakit fizikal atau mental yang sedia ada
- mana-mana bentuk penyakit, jangkitan penyakit, penyakit HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS dan/atau sebarang derivatif mutan atau variasi daripadanya
- kelahiran anak, keguguran, kehamilan atau apa-apa sahaja komplikasinya melainkan disebabkan oleh kemalangan secara langsung atau tidak langsung
- semasa terbang atau melibatkan diri dalam aktiviti udara lain kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang dilesenkan untuk perkhidmatan penumpang (perkataan 'penumpang' tidak termasuk mana-mana anggota kru udara atau mana-mana orang yang terlibat dalam apa-apa kerja teknikal atau navigasi dalam atau untuk kapal terbang)
- semasa melakukan atau cuba melakukan apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang atau jenayah;
- semasa mengambil bahagian dalam mana-mana sukan profesional atau sebagai anggota mana-mana pasukan sukan profesional;
- aktiviti sukan yang berbahaya seperti mendaki gunung yang memerlukan tali, meneroka gua, payung terjun, meluncur tangan, memburu, sebarang jenis perlumbaan (selain lumba lari), menyelam skuba, terjun bungee dan ski air
- semasa menggunakan mesin kayu kerja yang menggunakan kuasa mekanikal kecuali alat mudah alih digunakan dengan tangan dan digunakan semata-mata untuk tujuan peribadi tanpa upah;
- Semasa di bawah pengaruh alkohol atau ubat melainkan diambil mengikut preskripsi dan arahan perubatan yang betul
- Pekerjaan berikut dikecualikan daripada perlindungan kecuali semasa tidak bertugas:-
 - a. Krew udara
 - b. Pelumba motor profesional
 - c. Perkhidmatan atau operasi tentera laut, tentera darat dan/atau tentera udara
 - d. Ahli sukan professional/atlet
 - e. Krew kapal di atas kapal, pengangkutan air atau tongkang
 - f. Pelombong bawah tanah atau dasar laut

SEKSYEN X - Peralatan Elektronik

Seksyen ini memberi perlindungan ke atas komputer dan lain-lain peralatan elektronik dan ia digunapakai sama ada ketika item yang diinsuranskan sedang berfungsi atau direhatkan atau dirungkai untuk tujuan pembersihan, pembaikpulihan atau dalam proses pemindahan di dalam premis, atau sepanjang proses pengendalian yang berkenaan, atau berikutan dari pendirian semula, tetapi dalam mana-mana kes hanya selepas ianya berjaya berfungsi. Polisi ini juga boleh diperluaskan untuk melindungi media data luaran seperti pita dan disk dan peningkatan kos bekerja.

Seksyen 1 - Kerosakan Material (MD)

Seksyen ini melindungi kesemua pemasangan kelengkapan termasuk peralatan sampingan dan aksesori terhadap mana-mana kerugian atau kerosakan fizikal terjadi secara mengejut dan tidak diduga atas apa-apa sebab selain daripada yang dikecualikan secara spesifik.

Seksyen 2 - Media Data Luaran (EDM)

Seksyen ini memberi perlindungan ke atas media data seperti disk, pita di luar sistem komputer. Perlindungan ini adalah sama seperti Seksyen 1 dan ia digunapakai ketika media data diinsuranskan disimpan dalam premis.

Seksyen 3 - Peningkatan Kos Bekerja (ICOW)

Seksyen ini menyediakan indemniti ke atas peningkatan kos bekerja berikutan dari kerugian atau kerosakan material. Jika kerosakan material boleh diindemniti di bawah Seksyen 1 menimbulkan gangguan menyeluruh atau separa terhadap pengendalian peralatan Teknologi Informasi yang diinsuranskan, kos untuk menyewa sebuah komputer bagi mengekalkan pengurusan perniagaan anda akan dibayar di bawah Seksyen ini. Sistem IT pengganti ini seharusnya bukan subjek insurans di bawah polisi ini.

Pengecualian Utama untuk Seksyen X:

Anda tidak akan diindemniti berhubung dengan kerugian, kerosakan atau liabiliti langsung atau tidak langsung yang berpunca daripada atau timbul akibat atau disebabkan oleh:

- Tindakan atau kecuaiannya yang disengajakan oleh pihak diinsuranskan atau wakil-wakilnya
- Kerosakan atau kecacatan yang menjadi tanggungjawab pihak ketiga (pembekal) sama ada di bawah undang-undang atau kontrak (kerugian dilindungi oleh jaminan)
- Kegagalan atau gangguan perkhidmatan gas, air atau elektrik (pengecualian tertentu akan diambil kira dalam kes khas)
- Kehausan dan kelusuhan
- Kecacatan estetik seperti calar pada permukaan yang dicat, dikilat atau divarnis
- Semua jenis kerugian dan liabiliti turutan (dengan pengecualian perbelanjaan tambahan untuk pengendalian komputer)

SEKSYEN XI - Kerosakan Jentera

Seksyen ini memberi perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan fizikal yang terjadi secara mengejut atau tidak diduga ke atas jentera anda yang sedang berfungsi atau semasa direhatkan, atau dirungkai untuk tujuan pembersihan, pemeriksaan atau pembaikpulihan, atau dalam proses pengendalian, atau pemindahan di dalam premis berikutan daripada pembinaan semula.

Pengecualian Utama untuk Seksyen XI:

Anda tidak akan diindemniti berhubung dengan kerugian, kerosakan atau liabiliti langsung atau tidak langsung yang berpunca daripada atau timbul akibat atau disebabkan oleh:

- Alat ganti, pemangkin
- Kebakaran, kilat, letupan kimia, pecah masuk dan kecurian, contohnya peril yang dilindungi atau boleh dilindungi di bawah polisi lain; limpahan air, banjir, gempa bumi, penenggelaman, runtuh tanah, runtuh bangunan
- Tanggungjawab kontraktor, pembekal atau bengkel di bawah undang-undang atau kontrak
- Kehausan dan kelusuhan akibat penggunaan atau pengendalian yang biasa dan juga peronggaan, hakisan, kakisan atau endapan dalam dandang
- Tindakan atau kecuaiannya yang disengajakan oleh pihak diinsuranskan atau wakil-wakilnya
- Kesilapan atau kecacatan yang timbul pada masa insurans mula berkuatkuasa yang mana harus diketahui atau sedia diketahui oleh pihak diinsuranskan.

SEKSYEN XII - Jaminan Kesetiaan

Seksyen ini melindungi anda sebagai Majikan daripada mana-mana kerugian kewangan langsung yang mungkin dialami akibat perbuatan tidak setia atau tidak jujur pekerja-pekerja seperti pemalsuan, penggelapan wang, curi atau penukaran penipuan. Perlindungan ini tidak terhad kepada kerugian wang tetapi juga melindungi harta benda dan barangan jualan (keperluan perniagaan) kepunyaan anda.

Pengecualian Utama untuk Seksyen XII

- Kerugian disebabkan pekerja yang diketahui telah melakukan perbuatan tidak jujur atau penipuan, sebelum polisi berkuatkuasa atau selepas polisi ditamatkan
- Mana-mana kerugian tidak langsung atau turutan
- Mana-mana kerugian pihak ketiga
- Peras ugut
- Kesilapan dalam penyimpanan buku dan/atau kerugian yang ditemui semasa pengambilan stok atau inventori

Kami akan membayar balik kepada anda jika:

- Perlakuan penipuan atau tidak jujur dilakukan semasa tempoh insurans
- Dalam tempoh pekerja tersebut digaji secara berterusan tanpa gangguan
- Berkaitan dengan pekerjaan dan tugas pekerja tersebut
- Ditemui semasa tempoh insurans atau dalam tempoh 6 bulan selepas itu atau dalam tempoh 6 bulan selepas kematian, pemberhentian atau persaraan pekerja tersebut, mana-mana yang berlaku dahulu

Had Indemniti

Jumlah jaminan yang dinyatakan di bawah Seksyen ini adalah jumlah maksimum liabiliti untuk mana-mana satu kejadian atau siri kejadian akibat daripada satu punca tindakan tanpa mengambil kira bilangan pekerja yang terlibat dan dalam agregat tempoh tersebut.

Pengecualian Utama untuk Semua Seksyen

- Perang, Perang Saudara dan mana-mana tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Mana-mana kecederaan atau kerosakan berkaitan asbestos atau melibatkan penggunaan, kehadiran, kewujudan, pengesanan, pengalihan, pembuangan atau penghindaran asbestos atau terdedah atau potensi terdedah kepada asbestos
- Lebihan yang dinyatakan di dalam Jadual

Kewajipan Pendedahan

Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak polisi anda mungkin dianggap tidak sah.

Sumbangan

Jika pada masa mana-mana kerugian atau kerosakan terhadap harta berlaku, terdapat mana-mana insurans lain yang masih berkuatkuasa atau insurans kepunyaan anda yang memberi perlindungan yang sama, pihak kami tidak bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang melebihi kadar yang setimpal bagi kerugian atau kerosakan tersebut.

Lebihan

Jumlah yang perlu anda tanggung untuk setiap tuntutan.

Bayaran Premium

- Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan perlindungan, jika tidak perlindungan akan terbatal secara automatik dan anda bertanggungjawab untuk membayar kadar premium bagi tempoh 60 hari.
- Anda disarankan untuk membayar premium secara terus kepada kami, sama ada secara tunai, kad kredit atau cek. Jika anda membuat keputusan untuk membayar melalui pengantara insurans anda, pastikan cek anda dibuat atas nama **Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad**.
- Pastikan anda menerima resit bagi premium yang dibayar kepada pengantara insurans anda atau kami.
- Hubungi kami jika masih belum menerima polisi anda selepas satu bulan dari tarikh pembelian.

APAKAH YANG HARUS ANDA LAKUKAN Jika Berlakunya Kerugian/Kerosakan

Pemberitahuan Tuntutan

- Anda harus memberitahu kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan awal bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika berlakunya kecurian/kemalangan, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta-merta.

Pengemukakan Tuntutan

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua maklumat dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh kami dengan secepat mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh kami, anda dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

Kewajipan Pendedahan Maklumat Tuntutan

- Anda dikehendaki memberi jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudaratkan tuntutan anda.

BAGAIMANAKAH CARANYA UNTUK MEMBUAT Aduan dan Saluran Penyelesaian Yang Tersedia



Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui bnmtelelink@bnm.gov.my, atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lebih terperinci mengenai Tokio Marine, produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami www.tokiomarine.com.

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.